

Penilaian Tahap Kesedaran dan Persepsi Rakyat Terhadap Perak Sejahtera 2030

NOR AQILAH ABDUL HAMID
INSTITUT DARUL RIDZUAN

ABSTRACT

Perak Sejahtera 2030 is a state development master plan that is a continuation of the Perak Amanjaya 2020 plan. The plan, which was launched on the 15th of June 2022, also supports the Malaysia Madani plan and the country's efforts towards Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (Shared Prosperity Vision 2030). However, it is worth noting that the effectiveness of this plan greatly depends on the receptivity level of local communities and industry players. Therefore, it is important to identify the level of awareness and perception of the people towards the Perak Sejahtera 2030 plan. Hence, this study was carried out to take into account the views of all levels of society regardless of background, to ultimately achieve the core principle of equality and inclusiveness. This study involved respondents who attended the Majlis Pembentangan Laporan Kemajuan Perak Sejahtera 2030, of various societal levels, from all districts in the state of Perak. The sample was selected using convenience sampling involving each participant who visited the Perak Sejahtera 2030 booth. Based on the Krejcie and Morgan method, the required sample size was 327 respondents. Data was collected by employing face-to-face questionnaires and using the Microsoft Form application which was then analyzed descriptively and inferentially. This study found that most people are aware of the implementation of the Perak Sejahtera 2030 plan and that they have a positive perception of the programs, projects, and initiatives parked under this plan. The results of the Chi-square test analysis showed that there is a significant relationship between monthly household income and the level of people's awareness of Perak Sejahtera 2030. Meanwhile, for the analysis of the background and perception of the programs under Perak Sejahtera 2030, it is found that the length of residence and level of education have a significant relationship. To improve this study, future researchers are suggested to combine qualitative and quantitative methods to obtain broader findings in addition to conducting comparative analysis across districts and parliaments to help policymakers refine strategies to be more appropriate and effective. It is hoped that this study can help policymakers evaluate the effectiveness of the plan and organize programs that are more targeted to the people.

KEYWORDS: Development Plan, Perak Sejahtera 2030. Public's Participation, Level of Awareness, People's Perception

ABSTRAK

Perak Sejahtera 2030 adalah sebuah pelan induk pembangunan yang merupakan kesinambungan daripada pelan Perak Amanjaya 2020. Pelan yang telah dilancarkan pada 15 Jun 2022 ini turut menyokong pelan Malaysia Madani dan usaha negara menuju Wawasan Kemakmuran Bersama 2030. Keberkesanan pelaksanaan pelan ini amat bergantung kepada penerimaan masyarakat dan industri. Justeru, keperluan mengenal pasti tahap kesedaran dan persepsi rakyat terhadap pelan Perak Sejahtera 2030 adalah penting. Bagi mencapai prinsip kesamarataan dan inklusif, kajian ini dilaksanakan untuk mengambil kira pandangan semua lapisan masyarakat tanpa mengira latar belakang. Kajian ini melibatkan responden terdiri daripada peserta yang hadir bagi Majlis Pembentangan Laporan Kemajuan Tahun Kedua terdiri daripada pelbagai lapisan masyarakat dari seluruh daerah di negeri Perak. Sampel dipilih menggunakan pensampelan mudah (convenience sampling) melibatkan setiap peserta yang mengunjungi ruai Perak Sejahtera 2030. Berdasarkan kaedah Krejcie dan Morgan, saiz sampel yang diperlukan adalah 327 responden. Pengumpulan data melibatkan soal selidik secara bersemuka dengan menggunakan aplikasi Microsoft Form yang kemudiannya dianalisis secara deskriptif dan inferensi. Hasil kajian ini mendapati sebahagian besar rakyat menyedari akan kewujudan pelan Perak Sejahtera 2030 dan memberi persepsi yang positif terhadap program, projek, dan inisiatif di bawah pelan ini. Hasil analisis ujian Khi-kuasa dua (Chi-square) menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara pendapatan isi rumah bulanan dengan tahap kesedaran rakyat terhadap Perak Sejahtera 2030. Manakala, bagi analisis latar belakang dan persepsi terhadap program di bawah Perak Sejahtera 2030, analisis mendapati bahawa tempoh menetap dan tahap pendidikan mempunyai hubungan yang signifikan. Bagi menambahbaik kajian ini, penyelidik akan datang dicadangkan untuk menggabungkan kaedah kualitatif dan kuantitatif bagi mendapatkan dapatan yang lebih meluas disamping menjalankan analisis perbandingan (comparative analysis) merentas daerah dan parlimen bagi membantu penggubal dasar

memperhalusi strategi agar lebih bersesuaian dan berkesan. Diharapkan kajian ini dapat membantu pembuat dasar menilai keberkesanan pelan serta menyusun program yang lebih bersasar kepada rakyat.

KATA KUNCI: *Pelan Pembangunan, Perak Sejahtera 2030, Penyertaan Awam, Tahap Kesedaran, Persepsi Rakyat*

Pengenalan

Pelan Pembangunan menyediakan asas pengurusan yang akan memberi kesan kepada rakyat. Ia adalah salah satu alat yang digunakan untuk mencapai pembangunan mampan. Pelan Pembangunan ini mengandungi pendekatan serta strategi untuk pembangunan di sesuatu kawasan dengan menetapkan dasar serta cadangan bagi pembangunan pada masa hadapan (E. Wayne Nafziger, 2005).

Selain itu, Lewis (1996) seperti yang dirujuk dalam (Downes, 2000) menjelaskan pelan pembangunan meliputi penggubalan program yang diimplementasikan oleh penggubal dasar sesebuah negara bagi mencapai matlamat tertentu. Strategi ini lazimnya disusun dalam tiga (3) kaedah iaitu jangka pendek (1 hingga 2 tahun), jangka sederhana (5 tahun) dan jangka panjang (10 hingga 20 tahun).

Nabila Azam (2006) menyatakan pelan pembangunan ini adalah komponen penting bagi sesebuah negara yang mana menurut World Bank Group (2021), ia bertindak sebagai pelan hala tuju pembangunan yang akan membantu Kerajaan Negeri dalam pembuatan keputusan. Bukan itu sahaja, pelan pembangunan memainkan peranan dalam peruntukan sumber dengan memastikan sumber kewangan dan sumber manusia terarah kepada bidang keutamaan yang memberi impak yang tinggi kepada negeri. Di samping itu, dengan wujudnya pelan ini ia memudahkan penglibatan pihak berkepentingan, menyatukan sektor awam dan swasta serta masyarakat untuk bekerjasama ke arah mencapai matlamat yang sama (Waterston Albert., 2010). Dengan adanya matlamat yang jelas dan sasaran yang boleh diukur, ia berpotensi meningkatkan akauntabiliti dan ketelusan dalam tadbir urus.

Perak Sejahtera 2030 sememangnya merangkumi fungsi ini dimana ia menyediakan landasan yang komprehensif untuk pertumbuhan dan kemakmuran negeri. Pelan ini merangkumi matlamat dan hala tuju negeri Perak bagi menangani cabaran utama negeri di samping memenuhi keperluan rakyat. Perak Sejahtera 2030 ini mula dibangunkan bermula tahun 2021 yang mana ketika itu seluruh dunia termasuk negeri Perak terkesan dengan penularan wabak COVID-19. Implikasi wabak penyakit ini bukan sahaja meragut jutaan nyawa manusia malahan mengakibatkan ramai peniaga gulung tikar, dan rakyat hilang punca pendapatan.

Berikutan daripada peristiwa ini, YAB Dato' Seri Saarani bin Mohamad, Menteri Besar Perak bersama-sama dengan jentera Kerajaan Negeri Perak telah membangunkan pelan pembangunan Perak Sejahtera 2030. Uniknyanya pelan ini, ia dibangunkan menggunakan kaedah bawah-atas. Ketika pembangunan pelan ini, sebanyak 118 libat urus telah dilaksanakan bagi mendapatkan input daripada segenap lapisan masyarakat. Input dan dapatan ini kemudiannya digunakan bagi merangka Perak Sejahtera 2030. Selain itu, pelan ini dibangunkan sejajar dengan Rancangan Struktur Negeri Perak 2040, Pelan Perak Amanjaya 2020, Pelan Perindustrian Perak, dan pelan pembangunan negeri Perak yang lain. Malahan, pelan ini juga turut menyokong pelan pembangunan di peringkat persekutuan antaranya Malaysia Madani, Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 dan Rancangan Malaysia ke-12 (Ringkasan Eksekutif Perak Sejahtera 2030, 2022)

Kesimpulannya, Perak Sejahtera 2030 merupakan sebuah pelan yang dibangunkan secara bersama yang melibatkan kerjasama antara pelbagai pihak termasuk kerajaan, swasta, industri dan rakyat setempat. Pelan ini mencerminkan aspirasi dan harapan rakyat bagi membina sebuah negeri yang mampan, inklusif dan dinamik bagi menuju Perak Makmur, Rakyat Sejahtera. Sebagai iltizam mencapai matlamat ini, Kerajaan Negeri sentiasa mementingkan kepentingan rakyat dengan memastikan setiap langkah dan keputusan yang diambil berpaksikan kepada rakyat. Ini bagi memastikan pelaksanaan pelan ini dapat memenuhi kehendak serta aspirasi semua pihak.

Sehubungan itu, kini Kerajaan Negeri sedang dalam proses melaksanakan Kajian Separuh Penggal bagi menilai keberkesanan pelan ini setelah dua (2) tahun pelancarannya. Kajian ini akan melibatkan semua lapisan masyarakat termasuklah penggubal dasar, pelaksana dasar dan rakyat secara khususnya. Oleh yang demikian, kajian ini dilaksanakan bagi mendapatkan maklum balas rakyat berkenaan Perak Sejahtera 2030.

PENYATAAN MASALAH

Perak Sejahtera 2030 adalah inisiatif yang bertujuan mencapai pertumbuhan ekonomi yang mampan (sejahtera ekonomi), meningkatkan kesejahteraan sosial (sejahtera sosial) dan memperkasakan tadbir urus melalui penyampaian perkhidmatan yang cekap (sejahtera politik). Ia dibangunkan berlandaskan kepada tiga (3) komponen utama iaitu dinamik, realistik dan boleh dicapai berpaksikan matlamat Perak Makmur, Rakyat Sejahtera. Walau bagaimanapun, keberkesanan pelan ini tidak semata-mata bergantung kepada rangka kerja dasar dan tindakan kerajaan, ia memerlukan penglibatan dan sokongan rakyat. Ini sejajar dengan kenyataan Syamsu Rijal (2023) menyatakan kesedaran dan persepsi awam memainkan peranan penting kerana ia berpotensi meningkat keberkesanan dan ketelusan dalam proses perancangan dan pembuatan keputusan.

Perak Sejahtera 2030 merupakan inisiatif yang penting untuk rakyat Perak. Namun, kajian mengenai kesedaran dan persepsi rakyat adalah terhad. Kesedaran rakyat berfungsi sebagai asas untuk membuat keputusan, manakala persepsi rakyat berfungsi sebagai ketersediaan rakyat menyokong dan menyumbang kepada program, projek dan inisiatif di bawah Perak Sejahtera 2030. Kekurangan kesedaran boleh mengakibatkan sikap tidak peduli, penentangan dan memupuk ketidakpercayaan serta keraguan terhadap inisiatif yang dilaksanakan. Selain itu, terdapat juga jurang antara kesedaran dan persepsi merentas latar belakang demografi seperti umur, tahap pendidikan, pendapatan isi rumah bulanan, dan tempoh menetap. Perbezaan ini akan mewujudkan tahap penyertaan yang berbeza yang akan memberi impak kepada pembuat dasar untuk merangka strategi yang berkesan dalam penyampaian maklumat kepada semua lapisan masyarakat.

Oleh itu, kajian ini bertujuan menilai tahap kesedaran dan persepsi rakyat terhadap Perak Sejahtera 2030. Dengan penyelidikan ini, ia akan membantu Kerajaan Negeri memperhalusi strategi bagi meningkatkan penglibatan awam dan memupuk perkongsian maklumat antara Kerajaan dan rakyat.

KAJIAN LITERATUR

Kesedaran rakyat tentang pelan pembangunan adalah penting. Apabila rakyat sedar tentang pelan pembangunan, rakyat akan menyumbang perspektif dan idea mereka. Penyertaan aktif ini memastikan bahawa pelan pembangunan yang dirangka dan dilaksanakan akan memenuhi keperluan dan keutamaan rakyat yang mana ia akan membawa kepada hasil yang mampan. Menurut Arnstein (1969) dipetik daripada Varwell (2022) menyatakan penglibatan awam yang berkesan membawa kepada proses perancangan yang lebih demokratik dan inklusif, dengan itu meningkatkan kesahihan dan penerimaan pelan pembangunan.

Kesedaran rakyat terhadap pelan pembangunan menggalakkan ketelusan dan akauntabiliti. Orang awam yang sedar akan kewujudan pelan pembangunan boleh memantau kemajuan dan pelaksanaan inisiatif, ini dapat memupuk budaya ketelusan. Pengawasan ini penting dalam memastikan pihak kerajaan bertanggungjawab dan mengurangkan kemungkinan salah urus tadbir dan rasuah (Fung, 2015).

Selain itu, ia memudahkan peruntukan sumber yang lebih baik. Rakyat yang mempunyai kesedaran boleh memberi maklum balas tentang keberkesanan sumber semasa dan mencadangkan aspek keperluan yang perlu diberi perhatian. Maklum balas ini akan membimbing pembuat dasar dalam memperuntukkan sumber yang lebih cekap dan memastikan pelan pembangunan akan menangani keperluan rakyat.

Bukan itu sahaja, ia akan membantu membina kepercayaan antara kerajaan dan rakyat. Apabila rakyat memahami matlamat dan faedah pelan pembangunan, rakyat lebih berkemungkinan untuk menyokong dan bekerjasama dengan inisiatif tersebut. Kepercayaan adalah asas kepada tadbir urus yang berkesan bukan itu sahaja kerjasama rakyat juga penting dalam kejayaan pelaksanaan pelan pembangunan. Carley (2001), menekankan bahawa input komuniti adalah penting dalam mengenal pasti keutamaan dan penyelesaian tempatan. Interaksi dinamik antara pembuat dasar dan orang ramai memastikan sumber diarahkan ke tempat yang paling diperlukan, meningkatkan kesan keseluruhan usaha pembangunan.

Pembangunan sesebuah negara tidak hanya bergantung kepada perancangan yang rapi oleh pihak kerajaan, tetapi juga memerlukan kesedaran dan sokongan daripada rakyat. Kesedaran masyarakat terhadap pelan pembangunan yang dirangka amat penting bagi memastikan setiap projek yang dilaksanakan dapat memberi manfaat secara menyeluruh. Sebagai contoh, projek Medellin Metrocable di Columbia. Projek ini merupakan contoh yang mana kesedaran rakyat yang tinggi akan menyumbang kepada kejayaan sesuatu projek. Brand dan Davila (2011), menjelaskan bagaimana kempen kesedaran yang menyeluruh termasuklah libat urus adalah penting bagi memastikan penduduk memahami akan faedah dan proses yang terlibat. Projek Metrocable ini menunjukkan bahawa komunikasi yang proaktif dan penglibatan rakyat boleh membawa kepada tahap kesedaran yang tinggi dan kejayaan projek.

Di samping itu, The Participatory Slum Upgrading Program (PSUP) di Kenya merupakan contoh yang menggambarkan bagaimana kesedaran masyarakat dapat menjayakan agenda kerajaan. Projek ini merupakan satu inisiatif yang bertujuan memperbaiki keadaan hidup di kawasan setinggan melalui pembangunan infrastruktur dan pemerkaasan komuniti. Menurut UN-Habitat (2020), antara faktor yang menyumbang kepada kejayaan projek ini ialah pendekatan yang diambil untuk meningkatkan kesedaran rakyat tentang matlamat projek. Penggunaan kepelbagaian kaedah komunikasi yang berkesan telah menarik minat rakyat, membina kepercayaan seterusnya memudahkan kerjasama antara rakyat dan agensi pelaksana.

Namun, projek Metro Delhi di India menghadapi cabaran yang besar disebabkan kurangnya kesedaran rakyat. Sharma & Newman, (2017) menyatakan bahawa semasa proses perancangan projek ini, tiada sebarang libat urus dan penglibatan yang dilakukan bersama rakyat bermula dari proses perancangan. ini telah menyebabkan salah faham dan tentangan dari komuniti.

Berdasarkan perbincangan di atas, jelaslah bahawa kesedaran rakyat akan mempengaruhi keberkesanan pelan pembangunan. Sehubungan dengan itu, pembuat dasar perlulah merancang strategi untuk meningkatkan kesedaran rakyat terhadap program, projek dan inisiatif yang dilaksanakan.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan kaedah kajian kuantitatif, yang mana menurut Creswell (2013) ia melibatkan pengumpulan, analisis, dan interpretasi data dalam bentuk berangka. Teknik persampelan yang digunakan dalam kajian ini ialah persampelan mudah, di mana data dikumpul melalui tinjauan secara bersemuka menggunakan borang soal selidik berstruktur. Sampel kajian terdiri daripada pengunjung yang hadir ke booth Perak Sejahtera semasa Majlis Penyampaian Laporan Kemajuan Tahun Kedua Perak Sejahtera 2030. Kaedah jenis ini dipilih kerana ia menjimatkan masa, sesuai untuk kajian eksploratori atau kajian awal dan mudah untuk mendapatkan kadar penyertaan (Jawad Golzar et al., 2022). Untuk menentukan saiz sampel, kaedah Krejcie dan Morgan (1970) telah digunakan, berdasarkan anggaran kiraan pelawat sebanyak 2,200, menghasilkan saiz sampel yang disyorkan sebanyak 327 responden.

Bagi mencapai objektif kajian, pembangunan instrumen kajian merupakan langkah yang penting. Memandangkan kajian ini menggunakan kaedah tinjauan, borang soal selidik akan digunakan untuk mendapatkan maklum balas rakyat. Borang soal selidik ini dibahagikan kepada tiga (3) bahagian. Bahagian A merupakan bahagian latar belakang responden yang terdiri daripada 10 soalan antaranya jantina, umur, kaum, agama, status perkahwinan, tempoh menetap, sektor pekerjaan, pendapatan isi rumah dan sebagainya. Maklumat ini penting bagi menjawab objektif kajian untuk melihat hubungan antara latar belakang responden dengan tahap kesedaran dan persepsi terhadap Perak Sejahtera 2030. Bahagian B pula berkaitan kesedaran rakyat terhadap Perak Sejahtera 2030. Terdapat dua (2) item soalan yang mana akan mencapai objektif kajian yang pertama. Manakala bahagian C, ia berkaitan persepsi rakyat terhadap program, projek dan inisiatif dibawah pelan Perak Sejahtera 2030. Bagi menjawab objektif ini, lima (5) elemen keperluan rakyat digunakan bagi mengukur persepsi rakyat. Lima (5) keperluan ini merupakan input yang dikenalpasti ketika pembangunan pelan ini iaitu bekalan makanan mencukupi, pemilikan rumah, peluang pekerjaan, pembangunan modal insan dan belia serta kesihatan dan kesejahteraan.

Dalam menganalisis dapatan kajian ini, kaedah deskriptif dan inferensi digunakan. Analisis deskriptif digunakan untuk menggambarkan tahap kesedaran dan persepsi rakyat terhadap Perak Sejahtera. Selain itu, analisis inferensi juga turut digunakan iaitu ujian Khi-Kuasa Dua (Chi-Square Test) untuk menentukan hubungan antara dua pembolehubah. Kaedah ini digunakan kerana ia mampu memberi

gambaran tentang dapatan kajian sekali gus membantu pembuat dasar dalam merangka strategi yang lebih berkesan.

DAPATAN KAJIAN

Bahagian ini akan membincangkan dapatan dan analisis kajian. Perbincangan dalam bahagian ini akan berdasarkan kepada objektif kajian yang mana kajian ini bermatlamat, (1) mengenal pasti tahap kesedaran rakyat terhadap Perak Sejahtera 2030, (2) mengenal pasti tahap kesedaran rakyat terhadap program, projek dan inisiatif di bawah Perak Sejahtera 2030, (3) menilai persepsi rakyat terhadap program, projek dan inisiatif di bawah Perak Sejahtera 2030, (4) menganalisis hubungan antara latar belakang responden dan tahap kesedaran terhadap Perak Sejahtera 2030 dan (5) menganalisis hubungan antara latar belakang responden dan persepsi rakyat terhadap program, projek dan inisiatif di bawah Perak Sejahtera 2030.

LATAR BELAKANG RESPONDEN

Jadual 1 memaparkan keseluruhan data latar belakang responden, dalam kajian ini seramai 327 responden yang terdiri daripada 158 individu lelaki yang mewakili 48.3 peratus dan selebihnya individu perempuan iaitu 169 yang mewakili 51.7 peratus. Dari segi umur, majoriti responden berumur 31-40 tahun iaitu 122 individu yang mewakili 37.3 peratus, diikuti dengan responden berumur 41-50 tahun seramai 93 individu mewakili 28.4 peratus, responden berumur 18-31 tahun seramai 75 individu mewakili 22.9 peratus. Seterusnya, diikuti dengan 51-60 tahun seramai 30 individu mewakili 9.2 peratus. Manakala, minoriti responden dikalangan warga emas yang berumur 61 tahun dan ke atas iaitu seramai 7 individu yang mewakili 2.1 peratus dari keseluruhan sampel kajian.

Dari segi taburan kaum, majoriti responden adalah Melayu, terdiri daripada 319 individu (97.6%), diikuti oleh minoriti kecil responden Cina iaitu seramai 4 individu (1.2%). Selain itu, responden India dan mereka yang dikategorikan sebagai lain-lain, masing-masing menyumbang 2 individu, mewakili 0.6% masing-masing. Seterusnya bagi status perkahwinan, majoriti responden telah berkahwin, terdiri daripada 266 individu (81.3%), diikuti oleh 52 responden bujang, mewakili 15.9% daripada jumlah keseluruhan. Selain itu, 6 responden adalah balu/duda (1.8%), dan 3 telah bercerai (0.9%).

Dari segi daerah menetap, majoriti responden adalah dari Manjung iaitu seramai 198 individu (60.6%), diikuti Kinta seramai 53 orang responden (16.2%) dan Larut, Matang dan Selama seramai 23 orang responden (7.0%). Manakala, penyertaan yang lebih kecil adalah dari Perak Tengah (20 responden, 6.1%), Kuala Kangsar (7 responden, 2.1%), dan daerah lain seperti Bagan Datuk, Batang Padang, dan Hilir Perak, masing-masing menyumbang 6 responden (1.8%). Daerah yang paling kurang penyertaan ialah Kampar, Kerian, dan Muallim, dengan hanya 1 hingga 2 responden setiap satu (0.3%-0.6%).

Manakala bagi tempoh menetap, kebanyakan responden telah menetap di lokasi semasa mereka selama lebih dari 10 tahun merangkumi 257 individu (78.6%). Ini diikuti oleh responden yang telah menetap selama 1-5 tahun terdiri daripada 39 individu (11.9%), dan mereka yang menetap selama 6 hingga

10 tahun, dengan 28 individu (8.6%). Minoriti kecil responden telah menetap selama kurang daripada setahun, berjumlah 3 individu (0.9%). Taburan data ini menunjukkan bahawa kebanyakan responden adalah pemastautin jangka panjang.

Dari segi jenis pekerjaan, rata-rata responden merupakan pekerja di sektor kerajaan iaitu seramai 267 responden (81.7%), diikuti dengan responden yang masih bergelar pelajar iaitu seramai 15 orang (4.6%) dan pekerja swasta seramai 14 orang (4.3%). Selain itu, bilangan responden yang tidak bekerja dan menjalankan perusahaan atau perniagaan menunjukkan nilai yang sama iaitu masing-masing seramai 12 orang yang mewakili 3.7% dari nilai keseluruhan responden.

Bagi latar belakang pendidikan, majoriti responden adalah pemilik diploma (99 individu, 30.3%). Ini diikuti dengan individu yang mempunyai taraf pendidikan ijazah sarjana muda (96 individu, 29.4%), kemudian diikuti oleh mereka yang berpendidikan sekolah menengah (79 individu, 24.2%) dan sijil (33 individu, 10.1%). Sebilangan kecil mempunyai ijazah sarjana (17 individu, 5.2%), pendidikan sekolah rendah (2 individu, 0.6%) atau doktor falsafah (1 individu, 0.3%).

Seterusnya, bagi pendapatan isi rumah, kumpulan terbesar responden berpendapatan antara RM3,791-RM7,919 (108 individu, 33.0%). Ini diikuti oleh responden yang berpendapatan RM2,298-RM3,790 (102 individu, 31.2%), RM1,085-RM2,297 (54 individu, 16.5%), dan individu yang mempunyai pendapatan RM 7,921 dan ke atas (46 individu, 14.1%). Selain itu, sebilangan kecil individu memperoleh pendapatan di bawah RM1,084 (17 individu, 5.2%).

Jadual 1: Jadual Latar belakang Responden

Item dan Klasifikasi	N	%
Jantina		
Lelaki	158	48.3
Perempuan	169	51.7
Jumlah	327	100
Umur		
18-30 tahun	75	22.9
31-40 tahun	122	37.3
41-50 tahun	93	28.4
51-60 tahun	30	9.2
61 tahun dan ke atas	7	2.1
Jumlah	327	100
Kaum		
Melayu	319	97.6
Cina	4	1.2
India	2	0.6
Lain-lain	2	0.6
Jumlah	327	100

Status Perkahwinan

Bujang	52	15.9
Berkahwin	266	81.3
Balu/Duda	6	1.8
Bercerai/berpisah	3	0.9
Jumlah	327	100

Daerah		
Bagan Datuk	6	1.8
Batang Padang	5	1.5
Hilir Perak	6	1.8
Hulu Perak	4	1.2
Kampar	1	0.3
Kerian	2	0.6
Kinta	53	16.2
Kuala Kangsar	7	2.1
Larut, Matang dan Selama	23	7.0
Manjung	198	60.6
Muallim	2	0.6
Perak Tengah	20	6.1
Jumlah	327	100

Tahun Menetap		
Kurang dari setahun	3	0.9
1 tahun – 5 tahun	39	11.9
6 tahun – 10 tahun	28	8.6
Melebihi 10 tahun	257	78.6
Jumlah	327	100

Pekerjaan		
Pelajar	15	4.6
Tidak Bekerja	12	3.7
Kerajaan	267	81.7
Swasta	14	4.3
Perusahaan / Perniagaan	12	3.7
Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC)	7	2.1
Jumlah	327	100

Taraf Pendidikan		
Sekolah Rendah	2	0.6
Sekolah Menengah	79	24.2
Sijil / Kemahiran	33	10.1
Diploma	99	30.3
Ijazah Sarjana Muda	96	29.4
Ijazah Sarjana	17	5.2
Doktor Falsafah	1	0.3
Jumlah	327	100

Pendapatan Isi Rumah Bulanan		
Bawah RM1,084	17	5.2
RM1,085-RM2,297	54	16.5
RM2,298-RM3,790	102	31.2

RM3,791-RM7,919	108	33.0
Melebihi RM7,921	46	14.1
Jumlah	327	100

KESEDARAN RAKYAT TERHADAP PERAK SEJAHTERA 2030

Jadual 2 di bawah memaparkan 306 individu (93.6%) sedar akan kewujudan Perak Sejahtera 2030. Manakala, seramai 21 individu (6.4%) sahaja yang belum menyedari akan kewujudan pelan Perak Sejahtera 2030.

Majoriti individu sedar akan kewujudan Perak Sejahtera 2030 ini melalui media sosial iaitu 143 individu (43.7%), diikuti dengan program yang dianjurkan oleh pihak kerajaan iaitu 131 individu (40.1%). Di samping itu, seramai 21 individu (6.4%) tahu berkenaan Perak Sejahtera melalui papan iklan (billboard) dan hanya 17 individu (5.2%) mengetahuinya melalui laman sesawang Perak Sejahtera 2030.

Jadual 2: Tahap Kesedaran Rakyat Terhadap Perak Sejahtera 2030

Item dan Klasifikasi	N	%
Kesedaran Rakyat terhadap Perak Sejahtera 2030		
Ya	306	93.6
Tidak	21	6.4
Jumlah	327	100
Tahu mengenai Perak Sejahtera 2030 melalui		
Media Sosial	143	43.7
Brosur	3	0.9
Radio	1	0.3
Papan iklan	17	5.2
Laman Sesawang	10	3.1
Surat Khabar	1	0.3
Program Kerajaan	131	40.1
Lain-lain	21	6.4
Jumlah	327	100

KESEDARAN TERHADAP PROGRAM, PROJEK DAN INISIATIF DI BAWAH PERAK SEJAHTERA 2030

Jadual 3 menunjukkan rakyat sedar akan kewujudan program, projek, inisiatif di bawah Perak Sejahtera 2030 dengan kesemua aspek menunjukkan nilai yang tinggi iaitu 95% dan ke atas. Majoriti rakyat sedar akan program, projek, dan inisiatif di bawah aspek kesihatan dan kesejahteraan diikuti dengan aspek bekalan makanan mencukupi (98.2%), kemudiannya aspek pembangunan modal insan dan belia (97.9%), peluang pekerjaan berkualiti (96.9%) dan pemilikan rumah (95.7%).

Jadual 3: Kesedaran Terhadap Program, Projek dan Inisiatif Perak Sejahtera 2030

Penyataan	Ya		Tidak	
	Bilangan	Peratus	Bilangan	Peratus
Bekalan makanan mencukupi	321	98.2	6	1.8
Pemilikan rumah	313	95.7	14	4.3
Peluang pekerjaan berkualiti	317	96.9	10	3.1
Pembangunan modal insan dan belia	320	97.9	7	2.1
Kesihatan dan kesejahteraan	323	98.8	4	1.2

PERSEPSI TERHADAP PROGRAM, PROJEK DAN INISIATIF PERAK SEJAHTERA 2030

Jadual 4 menunjukkan persepsi rakyat terhadap program, projek dan inisiatif Perak Sejahtera 2030. Bagi mengukur persepsi, skala likert 5 mata digunakan di mana instrumen yang digunakan ialah (1) Sangat Tidak Memuaskan (2) Tidak Memuaskan (3) Neutral (4) Memuaskan (5) Sangat Memuaskan. Hasil dapatan kajian menunjukkan di mana kesemua aspek yang diukur mendapat persepsi yang positif iaitu dengan nilai skor min 4.74 dan ke atas. Majoriti rakyat menyatakan aspek bekalan makanan mencukupi merupakan program, projek, dan inisiatif yang bermanfaat untuk negeri Perak (4.77). Bagi aspek pembangunan modal insan dan belia serta kesihatan dan kesejahteraan, kedua-dua aspek ini menunjukkan nilai skor min yang sama iaitu 4.76 diikuti dengan pemilikan rumah dan peluang pekerjaan berkualiti yang mana kedua-dua nilai ini turut menunjukan nilai min yang sama iaitu 4.74.

Jadual 4: Persepsi terhadap Program, Projek dan Inisiatif Perak Sejahtera 2030

No.	Soalan	Skala Likert					Skor Min	Tahap
		STM (1)	TM (2)	N (3)	M (4)	SM (5)		
		F	F	F	F	F		
		%	%	%	%	%		
1.	Bekalan makanan mencukupi	0	0	6	63	258	4.77	Tinggi
		0	0	1.8	19.3	78.9		
2.	Pemilikan rumah	0	0	10	66	251	4.74	Tinggi
		0	0	3.1	20.2	76.8		
3.	Peluang pekerjaan berkualiti	0	0	10	66	251	4.74	Tinggi
		0	0	3.1	20.2	76.8		
4.	Pembangunan modal insan dan belia	0	0	10	58	259	4.76	Tinggi
		0	0	3.1	17.7	79.2		
5.	Kesihatan dan kesejahteraan	0	0	9	62	256	4.76	Tinggi

HUBUNGAN ANTARA LATAR BELAKANG RESPONDEN DENGAN TAHAP KESEDARAN TERHADAP PERAK SEJAHTERA 2030

Jadual 5 memaparkan jadual hubungan signifikan antara latar belakang responden dengan tahap kesedaran terhadap Perak Sejahtera 2030. Aspek yang diukur dalam kajian ini ialah umur, tempoh menetap, tahap pendidikan dan pendapatan isi rumah sebulan. Untuk menganalisis hubungan ini, ujian Khi Kuasa Dua (Chi-Square) digunakan. Keputusan ujian Khi Kuasa Dua menunjukkan bahawa umur ($p=0.184$), tempoh menetap ($p=0.349$), dan tahap pendidikan ($p=0.803$) tidak menunjukkan hubungan yang signifikan secara statistik dengan tahap kesedaran Perak Sejahtera 2030, kerana nilai p melebihi 0.05. Kesimpulannya, hipotesis nol (H_0) diterima untuk pemboleh ubah ini, ini menunjukkan bahawa umur, tempoh menetap dan tahap pendidikan tidak mempengaruhi kesedaran rakyat terhadap Perak Sejahtera 2030. Walau bagaimanapun, pemboleh ubah pendapatan isi rumah bulanan ($p=0.047$) menunjukkan hubungan yang signifikan secara statistik dengan nilai p di bawah 0.05. Ini membawa kepada hipotesis nol (H_0) ditolak. Kesimpulannya, ia menunjukkan bahawa pendapatan isi rumah bulanan mempunyai kesan yang signifikan terhadap tahap kesedaran Perak Sejahtera 2030.

Jadual 5: Hubungan Latar Belakang Responden dengan Tahap Kesedaran Rakyat terhadap Perak Sejahtera 2030

Pemboleh ubah	Khi-Kuasa dua	df	Nilai p	Signifikan	Keputusan
Umur	0.604	3	0.184	Tidak Signifikan	H_0 Diterima
Tempoh menetap	3.293	3	0.349	Tidak Signifikan	H_0 Diterima
Tahap pendidikan	3.046	6	0.803	Tidak Signifikan	H_0 Diterima
Pendapatan Isi Rumah	9.641	4	0.047	Signifikan	H_0 Ditolak

HUBUNGAN ANTARA LATAR BELAKANG RESPONDEN DENGAN PERSEPSI RAKYAT TERHADAP PROGRAM, PROJEK DAN INISIATIF PERAK SEJAHTERA 2030

Analisis di jadual 6 menunjukkan hubungan antara latar belakang responden dengan persepsi rakyat terhadap program, projek dan inisiatif di bawah Perak Sejahtera 2030. Aspek yang diukur dalam kajian ini ialah umur, tempoh menetap, tahap pendidikan dan pendapatan isi rumah sebulan. Untuk menganalisis hubungan ini, ujian Spearman Rho digunakan. Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa umur ($r=-0.043, p=0.438$) dan pendapatan isi rumah bulanan ($r=0.037, p=0.508$) mempunyai korelasi yang lemah dan tidak signifikan secara statistik ($p>0.05$), ini menunjukkan umur dan pendapatan isi rumah bulanan tidak mempengaruhi persepsi rakyat terhadap program, projek dan inisiatif di bawah Perak Sejahtera 2030. Sebaliknya, tempoh menetap ($r=-0.150, p=0.0007$) dan tahap pendidikan ($r=0.160, p=0.002$) menunjukkan korelasi yang lemah tetapi signifikan secara statistik ($p<0.05$) menunjukkan bahawa pembolehubah ini memainkan peranan dalam membentuk persepsi. Secara ringkasnya, tempoh menetap dan tahap pendidikan menyumbang kepada persepsi tetapi umur dan pendapatan isi rumah tidak menjadi faktor yang mempengaruhi persepsi.

Jadual 6: Hubungan Latar Belakang Responden dengan Persepsi Rakyat Terhadap Program, Projek dan Inisiatif Perak Sejahtera 2030

Pemboleh ubah	Khi-Kuasa dua	Nilai p	Signifikan	Keputusan
Umur	-0.043	0.438	Tidak Signifikan	H_0 Diterima

Tempoh menetap	-0.150	0.007	Signifikan	H ₀ Ditolak
Tahap pendidikan	0.170	0.002	Signifikan	H ₀ Ditolak
Pendapatan Isi Rumah	0.037	0.508	Tidak Signifikan	H ₀ Diterima

CADANGAN

Setiap kajian pasti mempunyai skop serta batasan kajian. Sehubungan dengan itu, penyelidik akan datang dicadangkan menggabungkan kaedah kuantitatif dan kualitatif untuk kajian akan datang. Pendekatan ini akan memberikan dapatan yang lebih meluas yang mana kaedah kualitatif akan memberikan perspektif rakyat secara menyeluruh dan mendalam tentang perkara yang hendak dikaji. Selain itu, penyelidik akan datang juga dicadangkan untuk melaksanakan analisis perbandingan (comparative analysis) tentang tahap kesedaran dan persepsi rakyat merentas daerah dan parlimen. Dengan adanya kajian merentas daerah dan parlimen ini, penyelidik boleh merangka strategi yang lebih berkesan dan membantu penggubal dasar memperhalusi strategi agar lebih bersesuaian dengan keperluan rakyat yang mana strategi ini akan memberikan hasil yang lebih berkesan. Cadangan seterusnya, penyelidik juga dicadangkan untuk membangunkan kajian kes mengenai inisiatif atau strategi yang dilaksanakan oleh negara lain bagi meningkat tahap kesedaran dan persepsi rakyat. Dengan adanya kajian ini, penggubal dasar dapat mengimplementasikan amalan terbaik yang dilaksanakan di negeri atau negara lain bagi meningkatkan keberkesanan Perak Sejahtera 2030.

KESIMPULAN

Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa tahap kesedaran dan persepsi rakyat adalah berbeza berdasarkan latar belakang demografi. Walaupun sebahagian besar rakyat menyedari akan Perak Sejahtera 2030, Namun, masih terdapat keperluan untuk melaksanakan pelbagai inisiatif dalam meningkatkan pemahaman dan penglibatan awam. Ini bagi memastikan matlamat Perak Makmur, Rakyat Sejahtera dapat difahami dengan baik dan diterima oleh rakyat. Selain itu, persepsi orang ramai terhadap program, projek dan inisiatif rakyat adalah positif. Walau bagaimanapun, usaha berterusan perlu dilaksanakan bagi rancangan pelan induk ini dapat direalisasikan dengan jayanya menjelang tahun 2030. Untuk itu, tadbir urus yang baik dan penyertaan rakyat secara berterusan terhadap Perak Sejahtera adalah penting. Melangkah ke hadapan, disyorkan agar pihak Kerajaan Negeri dapat meningkatkan usaha mempertingkatkan kesedaran rakyat, mengukuhkan perkongsian maklumat dan mewujudkan platform yang lebih inklusif untuk penyertaan rakyat. Dengan usaha ini, Perak Sejahtera dapat memacu pembangunan mampan di negeri Perak dengan lebih berkesan dan mencapai matlamat Perak Makmur dan Rakyat Sejahtera.

PENGHARGAAN

Sekalung penghargaan diberikan kepada Institut Darul Ridzuan atas peluang dan ruang diberikan untuk menyempurnakan artikel ini. Semoga segala usaha dan hasil penyelidikan ini dapat memberi nilai tambah kepada bidang ilmu serta menjadi panduan dan rujukan kepada pihak yang berkepentingan.

RUJUKAN

- Carley, M. (2001). Top-Down and Bottom-Up: The Challenge of Multi-Level Management for Sustainable Development. *International Journal of Sustainable Development*, 4(2), 83-97.
- Creswell, J. W. (2013). John W. Creswell-Research Design_ Qualitative, Quantitative, and Mixed Method Approaches-SAGE Publications (2013).pdf (p. 273).
- Downes, A. (2000). ong-term planning: institutional action and restructuring in the Caribbean. https://www.cepal.org/sites/default/files/publication/files/7335/S00100937_en.pdf
- E. Wayne Nafziger. (2005). Development Planning and Policy Making: The State and the Market. Cambridge University Press EBooks, 655–676. <https://doi.org/10.1017/cbo9780511805615.019>
- Fung, A. (2015). Putting the public back into governance: The challenges of citizen participation and its future. *Public Administration Review*, 75(4), 513-522.
- Innes, J. E., & Booher, D. E. (2004). Reframing public participation: strategies for the 21st century. *Planning Theory & Practice*, 5(4), 419–436. <https://doi.org/10.1080/1464935042000293170>
- Jawad Golzar, Omid Tajik, & Noor, S. (2022). Convenience Sampling. *ResearchGate*, 1(2), 72–77. <https://doi.org/10.22034/ijels.2022.162981>
- Mergel, I. (2015). Social Media in the Public Sector. *Encyclopedia of Public Administration and Public Policy*, Third Edition, 1–4. <https://doi.org/10.1081/e-epap3-120051204>
- Nabila Azam. (2006). The importance of development plan system in promoting sustainable development.
- Rogers, E. (2003). Diffusion Of Innovations Third Edition Library of Congress Cataloging in Publication Data The American Center Library Contents. <https://teddykw2.wordpress.com/wp-content/uploads/2012/07/everett-m-rogers-diffusion-of-innovations.pdf>
- Ringkasan Eksekutif Perak Sejahtera 2030. (2022). https://www.perak.gov.my/images/menu_utama/ms/kerajaan_negeri/penerbitan/peraksejahtera/RI_NGKASANEKSEKUTIFPERAKSEJAHTERA2030.pdf
- Rist, R. C., Boily, M. H., & Martin, F. (2011). The Road to Results: Designing and Conducting Effective Development Evaluations. World Bank Publications.
- Sharma, R., & Newman, P. (2017, December 31). Urban Rail and Sustainable Development Key Lessons from Hong Kong, New York, London and India for Emerging... ResearchGate; Elsevier BV. https://www.researchgate.net/publication/319119262_Urban_Rail_and_Sustainable_Development_Key_Lessons_from_Hong_Kong_New_York_London_and_India_for_Emerging_Cities
- UN-Habitat. (2020, January 31). The Participatory Slum Upgrading Programme (PSUP) | UN-Habitat. Unhabitat.org. <https://unhabitat.org/programme/the-participatory-slum-upgrading-programme-psup>

- Varwell, S. (2022, October 27). A Literature Review of Arnstein's Ladder of Citizen Participation: Lessons for contemporary student engagement. ResearchGate; University of Warwick.
https://www.researchgate.net/publication/365507646_A_Literature_Review_of_Arnstein's_Ladder_of_Citizen_Participation_Lessons_for_contemporary_student_engagement
- Waterston Albert. (2010) Development planning : lessons of experience (English). Washington, D.C. : World Bank Group.
<http://documents.worldbank.org/curated/en/299401468767072805/Development-planning-lessons-of-experience>
- World Bank Group. (2021). Malaysia's Experience with National Development Planning.
<https://documents1.worldbank.org/curated/en/099614005262236266/pdf/IDU0030be45b01bfc042740a2d20a9bc41bf1730.pdf>

Penulis	
Alamat	Institut Darul Ridzuan B-1-9, Greentown Suria, Jln Dato Seri Ahmad Said, Kampung Kastam Greentown, 30450 Ipoh, Perak
E-mel	aqilah9780@gmail.com aqilah@idrperak.my